

### **ELECTION OF ELECTION CANDIDATES: MUSLIM YOUTH'S KNOWLEDGE AND PRACTICES**

#### **PEMILIHAN CALON PILIHAN RAYA: PENGETAHUAN DAN AMALAN BELIA MUSLIM**

Farrah Nuur Fatheaah Zullaile<sup>i</sup>, Zuliza Mohd Kusrin<sup>ii</sup> & Anwar Fakhri Omar<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Pelajar Sarjana, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). p113127@siswa.ukm.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). zuli@ukm.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). anwar.fpi@ukm.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>The diversity of party manifestos in elections, the presence of both Muslim and non-Muslim candidates, are among the factors that influence young people in making their voting decisions during elections. Therefore, this study was conducted with the aim to identify the knowledge, attitudes and practices of Muslim youth in choosing election candidates. Content analysis and survey research using a questionnaire instrument were employed in this study. A simple random sample of 36 Muslim youths aged between 21 and 30 years was selected. The data were analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 28 and analyzed descriptively. The reliability of Cronbach's Alpha for the questionnaire items on knowledge is 0.865, and for the practice questions is 0.770, which is high. The study found that the level of knowledge of the youth regarding the characteristics of leaders according to Islam is high with a minimum value of 3.558, except for the item "a leader must have perfect bodily limbs and senses" with a moderate minimum value of 3.28. The youth are also interested in being informed about the political development in Malaysia, 77.8%. However, 77.8% they do not show interest in being involved or committed to any political party. They also vote for candidates based on their knowledge and the candidates' ability to fulfill their interest without considering religion.</i></p> <p>Keywords: Elections, Knowledge, Practices, Politics, Vote.</p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Kepelbagaian manifesto parti dalam pilihan raya, kewujudan calon Muslim dan non-Muslim merupakan antara faktor yang mempengaruhi belia dalam membuat keputusan undian dalam pilihan raya. Maka, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti pengetahuan dan amalan belia Muslim dalam memilih calon pilihan raya. Kaedah analisis kandungan dan kajian tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik digunakan di dalam kajian ini. Sampel rawak mudah yang terdiri daripada 36 orang belia Muslim berusia 21 tahun sehingga 30 tahun dipilih. Data-data dianalisis menggunakan Program Sistem Statistik Pukal Sains Sosial (Statistical Package for Scocial Science/ SPSS versi 28) dan data dianalisis secara deskriptif. Kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi item borang kaji selidik soalan pengetahuan iaitu 0.865 dan soalan amalan 0.770 adalah tinggi. Hasil kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan golongan belia terhadap ciri-ciri pemimpin menurut Islam</i></p>

	<p><i>adalah tinggi dengan nilai min 3.558 kecuali pada item seorang pemimpin mestilah orang yang sempurna anggota tubuh dan pancaindera dengan nilai min sederhana 3.28. Belia juga berminat mengambil tahu tentang perkembangan politik yang berlaku di Malaysia 77.8%. Namun, 77.8% belia tidak menunjukkan minat untuk terlibat dan terikat dengan mana-mana parti politik. Mereka juga mengundi calon berdasarkan pengetahuan dan calon yang memenuhi kepentingan tanpa mengira agama.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Pilihan Raya, Pengetahuan, Amalan, Politik, Undi.</i></p>
--	---

## PENGENALAN

Penglibatan belia dalam politik Pilihan Raya Umum ke-14 menyaksikan revolusi baharu terhadap kebangkitan anak muda membuat keputusan undian. Pelbagai kajian dilakukan bagi melihat faktor-faktor kekalahan pihak kerajaan dalam meraih 2/3 undi di dalam pilihan raya. Ciri-ciri calon yang dipertandingkan memainkan peranan dalam menentukan keputusan pengundi. Persepsi dan kematangan dalam politik perlu diberi perhatian bagi menjamin kestabilan dan keharmonian sistem demokrasi di Malaysia (Nor Azlina Endut et al., 2020).

Belakangan ini, politik di Malaysia menimbulkan pelbagai isu yang memberi kesan kepada pengundi muda. Usia pengundi yang muda boleh membawa kepada kekeliruan dan kecejaruan dalam memahami dan memilih pemimpin yang kompeten dan holistik dalam meneraju kepimpinan negara (Suzalina Halid, 2022). Ia memberi kesan kepada golongan muda dengan gejala kecejaruan dan kekeliruan politik (Hairol Anuar Hj Mak Din & Zakaria Stapa, 2012). Bahkan, memberi implikasi negatif bagi sebahagian golongan belia yang masih mentah dan tidak matang dalam berpolitik (Raja Hisyam Raja Zaid, 2022).

Pelbagai pimpinan wujud dengan manifestasi yang tersendiri menimbulkan kekeliruan dalam membuat keputusan memilih pemimpin terutamanya bagi golongan belia yang acuh tidak acuh dengan dunia politik (Mohamad Hisyamuddin Ayub, 2022). Ini berikutan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) menampilkan belia berusia 18 tahun turut serta mengundi, namun mereka masih keliru dan samar-samar dalam pemilihan calon (Nina Muslim, 2022). Belia merupakan pengundi yang berperanan menentukan halatuju negara melalui kebijaksanaan dalam memilih pemimpin masa akan datang (Ramli Dollah et al., 2018). Kewujudan dan peranan belia diperlukan dalam memastikan pemimpin yang dipilih adalah pemimpin yang mempunyai nilai tambah untuk masyarakat.

Golongan muda merupakan golongan yang dominan sebagai pengundi atas pagar sejak pilihan raya 2008 (Faida Rahim, 2023). Statistik dari Malaysian Youth Data Bank System (2020) menunjukkan bahawa keterlibatan belia dan sikap ambil tahu tentang politik masih ditahap yang rendah. Hal ini menunjukkan bahawa tidak semua belia berminat untuk mengambil tahu dan melibatkan diri dalam hal-hal politik di Malaysia. Begitu juga, kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa aspirasi dan kecenderungan belia dalam memilih calon memberi pengaruh dan kesan dalam membuat keputusan undian pilihan raya. Ini kerana belia amat dipengaruhi dengan aspirasi dan kecenderungan mereka dalam menentukan aspek pemimpin yang diinginkan (Abdul Razaq Ahmad et al., 2018). Mereka lebih mengutamakan matlamat dan keinginan mereka ditunaikan oleh calon pilihan raya dari sudut peluang pekerjaan, sosio-ekonomi dan sosial (Junaidi Awang Besar, 2019).

Kepelbagaian etnik, agama dan budaya di Malaysia sedikit sebanyak mempengaruhi elemen yang dipertimbangkan dalam memilih calon pilihan raya (Ahmad Tarmizi Talib et al., 2014). Dalam hal ini, ia memerlukan penilaian dari sudut politik dan Islam yang terbuka (*flexible*) namun masih mengekalkan prinsip-prinsip Islam yang seiring dengan kepentingan semasa. Polemik politik berkaitan aspek etnisiti (Marzudi et al., 2020) personaliti pemimpin atau calon pilihan raya yang dipertandingkan memberi kesan dalam keputusan pengundi (Suhaimie Saahar @ Saabar et al., 2022).

Tambahan pula, media sosial membawa pengaruh yang besar terhadap keterlibatan pengundi muda dalam pilihan raya belia (Hamedan et al., 2019; Salman et al., 2018; Bakshy

et al., 2012). Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pengetahuan belia Muslim tentang ciri-ciri pemimpin menurut Islam dan mengkaji amalan belia dalam memilih calon pilihan raya. Data dalam kajian empirikal ini adalah kajian rintis yang diedarkan kepada 36 sampel yang mempunyai ciri-ciri belia, muslim, di lembah klang & layak mengundi. Hasil dapatan kajian rintis ini bermanfaat untuk menghasilkan nilai *alpha cronbach* (.824) yang mengesahkan kesahan item soal selidik untuk diedarkan dalam kajian sebenar. Ia juga memaparkan pengetahuan dan amalan belia muslim dalam mengamalkan hak mereka sebagai pengundi Muslim di Malaysia.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan hasil daripada kajian rintis yang dijalankan bagi menentukan tahap kesahan instrumen kajian. Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik yang diedarkan kepada 36 orang sampel. Ia diedarkan melalui 'google form' yang menggandungi 41 item soalan yang berkaitan dengan pengetahuan, sikap dan amalan belia dalam memilih calon pilihan raya. Soal selidik yang diedarkan terdiri daripada Bahagian A merupakan soalan demografi responden yang terdiri daripada latar belakang pendidikan, umur dan pengalaman mengundi responden. Manakala, Bahagian B berkaitan dengan pengetahuan tentang ciri-ciri pemimpin menurut Islam sebanyak 9 item, Bahagian C berkaitan sikap belia dalam memilih calon pilihan raya sebanyak 11 item soalan dan Bahagian D soalan berkaitan amalan belia dalam memilih calon pilihan raya sebanyak 11 item. Namun, kertas kerja ini membentangkan fokus utama berkaitan pengetahuan dan amalan belia sahaja. Tujuan soal selidik dijalankan bagi mengenal pasti tahap pengetahuan belia tentang ciri-ciri pemimpin menurut Islam dan mengkaji amalan belia Muslim dalam memilih calon pilihan raya. Kajian ini menggunakan kaedah sampel rawak mudah (*non-probability*) terhadap belia berusia 18 tahun sehingga 30 tahun. Dapatan kajian ini, dianalisis dan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS version 28). Kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* bagi item borang kaji selidik soalan pengetahuan iaitu 0.865 dan soalan amalan 0.770 adalah tinggi.

### **CIRI-CIRI/ KRITERIA PEMIMPIN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

Dalam Islam, melantik pemimpin bagi mengurus tadbir urusan kehidupan dan agama manusia menjadi satu seruan setelah kewafatan Nabi Muhammad SAW. Ia bertepatan dengan sabda Nabi SAW di dalam hadisnya yang bermaksud: "*apabila tiga orang dalam perjalanan, hendaklah mereka melantik salah seorang daripada mereka sebagai ketua mereka.*" (Hadis. Al-Bukhariyy. Bab *Istihbab Thalab al-Rifqah*. 960). Umat Islam wajib memilih pemimpin yang mempunyai kriteria-kriteria yang digariskan oleh syariat Islam. Ia bertujuan memastikan matlamat Islam terus terlaksana dan dipelihara. Kewafatan Nabi SAW menjadi titik awal kepada sistem pemilihan pemimpin yang berterusan sehingga kini. Al-Mawardi (1993) menjelaskan bahawa pemimpin yang juga dinamakan sebagai *Imam* atau *khalifah* merupakan pengganti Nabi SAW dalam urusan agama dan kehidupan (*siyasah*) manusia. Sebagaimana firman Allah SWT:

﴿وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ أُمَّةً يَهْتَدُونَ بِأَمْرِنَا لَمَّا صَبَرُوا وَكَانُوا بِآيَاتِنَا يُوقِنُونَ﴾

Maksudnya: "*Dan Kami jadikan daripada kalangan mereka para pemimpin, yang memberi petunjuk dengan perintah Kami, mereka bersikap sabar (dalam menjalankan tugas itu) serta mereka tetap yakin akan ayat-ayat Kami.*" (Al-Quran. al-Sajdah: 24)

Ibn Kathir (1997) mentafsirkan bahawa pemimpin hendaklah mendorong kearah makruf dalam mensyariatkan Allah SWT dan menjauhi perkara-perkara yang batil. Justeru, umat Islam perlulah memilih calon yang terbaik di kalangan mereka sebagai pemimpin, paling bertakwa dan yang dapat memberi sepenuh kepercayaan untuk mewujudkan negara yang makmur dan damai. Kegemilangan khilafah di zaman khulafa' al-Rasyidin menjadi pemerintahan yang disebut-sebut sehingga kini. Mereka memiliki ciri-ciri yang cemerlang dari sudut keperibadian, sahsiah dan kriteria pemimpin yang unggul. Pemimpin ideal

menurut al-Ghazali adalah pemimpin yang menggariskan tiga elemen; kekuasaan (boleh mempengaruhi dan menguasai orang yang dipimpin), kewibawaan (berupaya untuk menguasai orang yang dipimpin untuk patuh dengan pimpinannya), kemampuan (melaksanakan tanggungjawab dengan baik) bagi memenuhi kredibiliti sebagai seorang pemimpin (Ade Afriansyah, 2017).

Perlantikan ketika zaman khulafa' al-Rasyidin dipengaruhi oleh keadaan siyasah dan umat semasa. Mereka mempunyai kebijaksanaan, ketokohan dan kewibawaan yang tersendiri untuk mengurus dan memimpin cabaran yang dihadapi (Hafiz Za'farani, 2020; Zamri Hashim, 2018). Strategi yang disusun menghadapi cabaran zaman masing-masing memperlihatkan ketokohan para al-Rasyidin merupakan pemimpin yang terbaik di zaman mereka. Ciri-ciri pemimpin yang digariskan oleh al-Quran dan Sunnah seperti seorang pemimpin mestilah terdiri dalam kalangan orang yang bertanggungjawab (al-Quran. al-Nisa: 58), pemimpin yang beriman kepada Allah SWT (al-Quran. al-Nisa: 59) dan pemimpin yang mampu menegakkan hukum syariat (al-Quran. Sad: 26).

Pemilihan pemimpin menelusuri zaman adalah bergantung kepada perubahan semasa. Dalam konteks politik di Malaysia, sistem demokrasi memberi peluang kepada pengundi untuk memilih di dalam pilihan raya sebagai salah satu cara menghubungkan suara rakyat ke peringkat yang lebih tinggi (Mohamed Noor Mohamed Amin, 2020). Pilihan raya yang dijalankan empat atau lima tahun sekali memberi pengaruh besar dalam perubahan-perubahan dasar negara. Ia juga bagi memastikan kebajikan, kehendak dan keperluan rakyat dapat dipenuhi semaksima yang mungkin. Sistem demokrasi berparlimen juga dianggap sebagai sistem politik dua hala yang melibatkan rakyat dan pemerintah. Keseimbangan politik dan Islam dalam menjaga kemaslahatan umat memberi fungsi kepada kedaulatan dan keamanan negara (Zaharuddin, 2012).

Kepelbagaian etnik, budaya dan agama di Malaysia merupakan cabaran yang cukup besar bagi dunia politik. Ia memerlukan strategi parti dan calon agar meraih undi dan menarik minat pengundi. Politik identiti ini melibatkan yang dominan dari sudut latar belakang agama, kaum, budaya, fahaman, amalan dan ideologi (Amirah Ruzanah Abdullah & Muhamad Nadzri Mohamed Noor, 2022). Dari sudut syarak, ulama kontemporari seperti al-Qardawiy (1992) menjelaskan bahawa pemilihan pemimpin yang berlatar belakangkan agama yang berbeza dibenarkan dengan syarat-syarat tertentu dan bukan jawatan yang dominan (ketua negara, panglima tentera, penghakiman antara orang Islam dan pengurusan zakat).

Begitu juga Ibn Hajar (1983) mengharuskan untuk mengangkat calon non-Muslim sekiranya terdapat masalah dan keperluan seperti jawatan tersebut tidak mampu dipikul oleh mana-mana orang Islam atau calon beragama Islam mempunyai sifat khianat dan calon non-Muslim lebih baik dari itu. Walau bagaimanapun, calon non-Muslim memerlukan seliaan (*muraqabah*) daripada pemimpin yang lebih tinggi agar tidak mendatangkan sebarang kemudaratan kepada orang Islam (Mohd. Hapiz Mahaiyadin et al., 2011). Oleh itu, ia memerlukan kefahaman dalam diri pengundi untuk menilai calon pilihan raya yang baik untuk menjaga masalah dan kepentingan rakyat.

### **PENGETAHUAN BELIA TENTANG POLITIK**

Pengetahuan memainkan peranan dalam menilai personaliti pemimpin mendorong seseorang itu menilai dan memilih pemimpin berdasarkan kecenderungan yang dimiliki (Henrik Oscarsson 2007). Ceteknya tahap pengetahuan politik belia adalah kerana kurangnya minatnya golongan ini untuk terlibat dengan topik berkaitan pilihan raya, pendemokrasian, pemilihan pemimpin dan hal yang berkaitan (Lee, 2020; Mohd Azmir & Sabri, 2020; Wan Rohila, 2021).

Selain itu, tahap kematangan belia untuk terlibat sama dengan sistem demokrasi di Malaysia diperbahaskan. Diantara mereka ada yang memahami dan mengetahui dengan jelas kriteria pemimpin yang digariskan oleh al-Quran namun tidak mengaplikasikannya secara zahir dengan memilih pemimpin yang sebetulnya (Muhammad Zaini et al., 2021). Pengetahuan yang dimiliki hanya sebatas dalam diri mereka tanpa diaplikasi dan

diterjemahkan dengan amalan. Kefahaman politik mereka perlu diperluas berikutan pemahaman belia berkaitan politik masih ditahap yang rendah dan memerlukan inisiatif baru untuk diperbaiki (Muhammad Nurarif Idris, 2019).

Golongan belia memiliki aspirasi yang tinggi untuk memilih pemimpin yang jujur dan berintegriti. Mereka mempunyai aspirasi dan citarasa tersendiri dalam memilih pemimpin dan majoriti belia (89.1%) mengutamakan pemimpin yang jujur dan amanah. Adapun dari sudut parti politik, belia memilih parti yang memperjuangkan isu kemanusiaan seperti ketelusan, hak asasi dan anti rasuah sebagai pilihan (Mohd Fuad et al., 2011; 2012; Junaidi Awang Besar, 2021). Belia Melayu juga memiliki sensitiviti yang tinggi untuk memilih calon yang mempunyai persamaan latar belakang dengan mereka. Mereka lebih menitik beratkan kriteria dan pelaksanaan tugas pemimpin berbanding etnik cina dan india (Mohd Mahadee et al., 2019).

Capaian maklumat melalui teknologi terkini menjadi salah satu cara bagi belia mendapatkan maklumat berkaitan isu politik yang berlaku. Kecanggihan teknologi media menjadikan belia sangat selesa mencari maklumat dan penyelesaian untuk menambah pengetahuan dalam urusan harian mereka. Kefahaman dan kekeliruan belia dalam usaha mendapatkan keyakinan dan menambah nilai pengetahuan melalui media diancam dengan berita politik yang diragui dan dipertikai kesahihannya (Ali Salman et al., 2018). Impak daripada penulisan media melahirkan situasi yang boleh mempengaruhi sikap dan pandangan mereka dalam undian.

## DAPATAN KAJIAN

### Demografi

Jadual 1 menunjukkan profil responden yang terdiri daripada 36 orang pelajar, 80.6% adalah pelajar perempuan dan 19.4% pelajar adalah lelaki yang berumur 21 tahun hingga 25 tahun seramai 66.7% dan 26 tahun hingga 30 tahun seramai 33.3%. Separuh daripada jumlah responden 69.40% merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda, diikuti dengan 25.0% pelajar Ijazah Sarjana dan masing-masing 2.8% adalah pelajar diploma pascasiswazah dan asasi. Berdasarkan latar belakang pendidikan sekolah menengah, 91.7% merupakan belia yang berlatar belakang pendidikan di Sekolah Menengah Agama dan 8.3% adalah Sekolah Menengah Kebangsaan. Dengan memperoleh responden dari pelbagai aliran, fakulti, tahun pengajian dan kaum diharapkan dapat mempelbagaikan lagi dapatan kajian ini.

Jadual 1: Demografi responden

Item		N	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	7	19.4
	Perempuan	29	80.6
Umur	21 tahun-25 tahun	24	66.7
	26 tahun- 30 tahun	12	33.3
Tahap Pendidikan	Asasi	1	2.8
	Ijazah Sarjana Muda	25	69.4
	Ijazah Sarjana	9	25.0
	Diploma	1	2.8
	Pascasiswazah		
Latar Belakang Sekolah Menengah	Sek Menengah Agama	33	91.7
	Sekolah Menengah Kebangsaan	3	8.3

N=36

Sumber: Analisis soal selidik Farrah Nuur Fatheeah (2023)

Berdasarkan data mengenai demografi responden, bilangan responden dalam kalangan perempuan yang mengambil bahagian dalam soal selidik kajian ini adalah lebih tinggi 80.6% berbanding responden lelaki, 19.4%. Manakala, responden yang berlatar belakangkan sekolah menengah agama lebih tinggi 91.7% berbanding responden berlatar belakangkan sekolah menengah kebangsaan 8.3%. Ia dijangka meningkatkan tahap pengetahuan yang tinggi dalam kajian ini, berikutan objektif pertama pengkaji adalah ingin mengenal pasti pengetahuan belia tentang ciri-ciri pemimpin menurut Islam.

Merujuk kepada Jadual 2, kebanyakan responden 97.2% telah mengundi dalam pilihan raya dan hanya 1% sahaja yang tidak pernah mengundi. Ini sekaligus menggambarkan bahawa belia mempunyai kesedaran untuk menunaikan tanggungjawab mereka. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Norshamliza Chamhuri et al. (2019) yang juga melaporkan bahawa mahasiswa mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap tanggungjawab dalam mengundi.

Jadual 2. Penglibatan mengundi dalam pilihan raya.

<b>Apakah anda pernah mengundi dalam pilihan raya?</b>	<b>N</b>	<b>Peratus (%)</b>
Ya	35	97.2
Tidak	1	2.8

Jadual 3 menunjukkan analisis bagi soalan berkenaan pengetahuan belia untuk mengikuti perkembangan semasa isu-isu berkaitan politik di Malaysia. Jumlah peratusan yang tinggi 77.8% menggambarkan responden mengambil tempat dalam mengikuti perkembangan semasa politik di Malaysia. Dapatan ini menyokong kajian oleh Hamidah et al. (2004) mengenai pengetahuan, kesedaran dan hak mengundi pelajar yang dibuktikan berada pada tahap yang tinggi. Mereka mengikuti perkembangan dan isu-isu politik yang dibualkan dalam kalangan masyarakat. Ini menunjukkan belia masih cakna dengan aliran dan fenomena politik yang berlaku dalam Malaysia. Namun, Jadual 4 menunjukkan hanya 8 sampel 22.2% terlibat dalam pertubuhan politik. Sementara 28 sampel, 77.8% mengambil pendekatan untuk tidak terlibat dengan mana-mana pertubuhan yang berkait dengan politik.

Jadual 3. Pengetahuan perkembangan politik di Malaysia.

<b>Adakah anda mengikuti perkembangan politik di Malaysia?</b>	<b>N</b>	<b>Peratus (%)</b>
Ya	28	77.8
Tidak	8	22.2

Jadual 4. Penyertaan belia dalam pertubuhan politik.

<b>Adakah anda terlibat atau mendaftar dengan mana-mana pertubuhan politik?</b>	<b>N</b>	<b>Peratus (%)</b>
Ya	8	22.2
Tidak	28	77.8

Berdasarkan kepada jadual 5 di bawah, didapati bahawa sumber maklumat utama pilihan responden bagi mendapatkan maklumat berkaitan politik atau calon pilihan raya ialah media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Tiktok*, *Instagram* dan blog-blog politik. Sumber maklumat menerusi *online* menyumbang sebanyak 88.9% dan diikuti dengan *offline* sebanyak 58.3%. Maklumat yang diperolehi secara *offline* adalah seperti keluarga, surat khabar, kempen pilihan raya, ceramah politik dan agen sosialisasi lain.

Jadual 5. Sumber maklumat utama berkaitan politik.


Apakah sumber utama anda berkaitan politik?	Peratus (%)
Online	88.9
Offline	58.3

Dapatan kajian berdasarkan sumber maklumat berkaitan dengan isu-isu politik atau calon pilihan raya secara umumnya memperlihatkan bahawa media sosial memberikan impak yang besar dalam kehidupan belia masa kini. Begitu juga, peranan dan pengaruh media sosial dalam arus perkembangan teknologi kini yang secara jelas memperlihatkan belia aktif menggunakan teknologi untuk mendapatkan sumber maklumat atau memperoleh sumber maklumat seiring dengan kajian (Junaidi Awang Besar, 2016). Oleh itu, untuk menapis berita-berita yang dikeluarkan melalui media sosial melalui pengetahuan asas tentang calon pilihan raya yang layak bagi memastikan sumber maklumat yang dilihat dapat dinilai dengan baik.

### PENGETAHUAN BELIA TENTANG CIRI-CIRI PEMIMPIN MENURUT ISLAM

Jadual 6.1, soalan mewakili tahap pengetahuan belia Muslim tentang ciri-ciri pemimpin menurut Islam. Bagi soalan seorang pemimpin Islam hendaklah boleh menjaga agama dan menegakkan syariat Allah SWT, seorang pemimpin Islam mestilah memiliki *al-Quwwah* yakni kekuatan dari semua sudut sama ada fizikal, spiritual dan mental, seorang pemimpin Islam memiliki sifat takwa, seorang pemimpin Islam itu mestilah amanah, adil dan tidak melakukan kezaliman atau diskriminasi kepada mereka yang di bawah pimpinannya, seorang pemimpin Islam mestilah berani bertindak dan mahir dalam mengurus tadbir rakyat, seorang pemimpin Islam itu hendaklah tegas dan berpegang teguh kepada prinsip dalam melaksanakan amanah, seorang pemimpin Islam mestilah orang yang berilmu pengetahuan dan mempunyai ilmu agama yang mendalam serta seorang pemimpin Islam mestilah mempunyai keterampilan dan kewibawaan seperti kecekapan, integriti, ilmu dan pengetahuan, empati, adil, sihat tubuh badan, berani serta tegas mempertahankan agama dan bangsa mendapat respon bersetuju (setuju dan sangat setuju) sebanyak 100% = setuju dan sangat setuju. Namun, bagi item seorang pemimpin Islam mestilah orang yang sempurna anggota tubuh dan pancaindera yang masing-masing tidak bersetuju (sangat tidak setuju 2.8% dan tidak setuju 13.9%) dan bersetuju (setuju 36.1% dan sangat setuju 47.2%).

Jadual 6.1 Pengetahuan belia tentang ciri-ciri pemimpin menurut Islam



Sumber: Analisis Farrah Nuur Fatheaah (2023).


Bil.	Item	STS (%)	TS (%)	S (%)	SS (%)	Min
1	Seorang pemimpin Islam hendaklah boleh menjaga agama dan menegakkan syariat Allah.	-	-	8.3	91.7	3.92
2	Seorang pemimpin Islam mestilah memiliki al-Quwwah yakni kekuatan dari semua sudut sama ada fizikal, spiritual dan mental.	-	-	8.3	91.7	3.92
3	Seorang pemimpin Islam memiliki sifat takwa.	-	-	11.1	88.9	3.89
4	Seorang pemimpin Islam itu mestilah amanah, adil dan tidak melakukan kezaliman atau diskriminasi kepada mereka yang dibawah pimpinannya.	-	-	11.1	88.9	3.89
5	Seorang pemimpin Islam mestilah berani bertindak dan mahir dalam mengurus tadbir rakyat.	-	-	11.1	88.9	3.89
6	Seorang pemimpin Islam itu hendaklah tegas dan berpegang teguh kepada prinsip dalam melaksanakan amanah.	-	-	11.1	88.9	3.89
7	Seorang pemimpin Islam mestilah orang yang sempurna anggota tubuh dan pancaindera.	47.2	36.1	13.9	2.8	3.28
8	Seorang pemimpin Islam mestilah orang yang berilmu pengetahuan dan mempunyai ilmu agama yang mendalam.	-	-	16.7	83.3	3.83
9	Seorang pemimpin Islam mestilah mempunyai keterampoilan dan kewibawaan seperti kecekapan, integriti, ilmu dan pengetahuan, empati, adil, sihat tubuh badan, berani serta tegas mempertahankan agama.	-	-	13.9	86.1	3.86

Jadual 6.2: Analisis min pengetahuan belia tentang ciri-ciri pemimpin menurut Islam.

Dapatan kajian mengenai pengetahuan belia tentang ciri-ciri pemimpin menurut Islam adalah seperti jadual 6.1 dan jadual 6.2. Skor min tertinggi ialah 3.92 dan skor min terendah 3.28. Ini menunjukkan skor min setiap item berada pada tahap min yang tinggi. Berdasarkan analisis tersebut secara keseluruhan pengetahuan belia adalah baik. Kepimpinan dalam Islam merupakan amanah dan tanggungjawab yang besar merangkumi aspek dunia dan akhirat untuk dirinya sebagai pemimpin dan untuk orang yang dipimpinya (Omar Abdul, t.t). Ia merupakan alat atau jalan untuk sampai kepada tujuan iaitu menggalas tanggungjawab menggantikan tugas Nabi SAW dalam mengurus tadbir umat (Al-Mawardi, 1993). Oleh itu, sebagai pengundi, belia harus memiliki pengetahuan yang tinggi mengenai ciri-ciri asas seorang pemimpin menurut Islam agar menjadi timbang tara dalam memilih pemimpin yang selayaknya.



## AMALAN BELIA DALAM MEMILIH CALON PILIHAN RAYA



Jadual 7.1: Amalan Belia dalam Memilih Pemimpin. Sumber: Farrah Nur Fatheeah (2023).

Bil	Item	STS (%)	TS (%)	S (%)	SS (%)	Min
1	Saya mengundi calon beragama Islam yang mempunyai kriteria bertanggungjawab seperti adil, amanah dan berkhidmat untuk rakyat.	-	-	8.3	91.7	3.92
2	Saya mengundi calon non-Muslim yang mempunyai kriteria bertanggungjawab seperti adil, amanah dan berkhidmat untuk rakyat.	8.3	11.1	50	30.6	3.11
3	Saya mengundi calon beragama Islam yang boleh menegakkan undang-undang Islam.	2.8	-	11.1	86.1	3.11
4	Saya mengundi calon non-Muslim yang boleh menjaga sentimen perkauman.	8.3	19.4	41.7	30.6	3.03
5	Saya mengundi calon daripada parti yang majoriti beragama Islam.	-	13.9	33.3	52.8	3.39
6	Saya mengundi calon non-Muslim yang tidak didakwa atas tuduhan rasuah.	5.6	16.7	41.7	36.1	3.08
7	Saya mengundi calon berdasarkan tawaran/manifesto kepada rakyat.	2.8	22.2	38.9	36.1	3.00
8	Saya mengundi calon beragama Islam yang lantang menyuarakan kebajikan belia seperti peluang pekerjaan.	-	2.8	25	72.2	3.69
9	Saya mengundi calon beragama Islam yang boleh menunaikan janji.	13.9	19.4	33.3	33.3	2.86
10	Saya mengundi calon beragama Islam yang bersifat amanah.	-	-	19.4	80.6	3.81
11	Saya mengundi calon non-Muslim yang memperjuangkan hak rakyat seperti menjaga kebajikan.	8.3	19.4	33.3	38.9	3.11

Jadual 7.2: Analisis Min Amalan Belia dalam Memilih Calon Pilihan Raya.

Jadual 7.1 dan jadual 7.2 menunjukkan analisis belia Muslim dalam memilih pemimpin. Seramai 91.7% responden memilih sangat setuju dan 8.3% memilih setuju untuk item 'saya mengundi calon beragama Islam yang mempunyai kriteria bertanggungjawab seperti adil, amanah dan berkhidmat untuk rakyat' dengan nilai min 3.92.

Seterusnya untuk item 'saya mengundi calon non-Muslim yang mempunyai kriteria bertanggungjawab seperti adil, amanah dan berkhidmat untuk rakyat' memperoleh min 3.11 dengan peratusan 30.6% bagi responden yang memilih sangat setuju, 50% memilih setuju, 11.1% memilih tidak setuju dan 8.3% memilih sangat tidak setuju. Seterusnya min 3.81 bagi 86.1% responden memilih sangat setuju, 11.1% setuju dan 2.8% sangat tidak setuju bagi item 'saya mengundi calon beragama Islam yang boleh menegakkan undang-undang Islam'.

Seterusnya untuk nilai min 3.03 bagi item 'saya mengundi calon non-Muslim yang boleh menjaga sentimen perkauman' mendapat 30.6% yang memilih sangat setuju, 41.7% memilih setuju, 19.4% memilih tidak setuju dan 8.3% memilih sangat tidak setuju. Manakala, item saya mengundi daripada parti yang majoriti beragama Islam nilai min 3.39 memperoleh 52.8% memilih sangat setuju, 33.3% memilih setuju dan 13.9% memilih tidak setuju. Item 'saya mengundi calon non-Muslim yang tidak didakwa atas tuduhan rasuah' nilai min 3.08 pula, mendapat 36.1% pemilihan sangat setuju, 41.7% responden memilih setuju, 16.7% memilih tidak setuju dan 5.6% memilih sangat tidak setuju.

Bagi nilai min 3.00, item 'saya mengundi calon berdasarkan tawaran/manifesto kepada rakyat' pula mendapat 36.1% responden yang memilih sangat setuju, 38.9% memilih setuju, 22.2% memilih tidak setuju dan 2.8% memilih sangat tidak setuju. Adapun, item 'saya mengundi calon beragama Islam yang lantang menyuarakan kebajikan belia seperti peluang pekerjaan' memperoleh 72.2% responden yang memilih sangat setuju, 25% memilih setuju dan 2.8% mewakili tidak setuju dengan nilai min 3.69.

Item 'Saya mengundi calon non-Muslim yang boleh menunaikan janji' dengan nilai min 2.86 mendapat 33.3% responden yang mengundi sangat setuju, 33.3% mengundi setuju, 19.4% mengundi tidak setuju dan 13.9% memilih sangat tidak setuju. Seterusnya untuk item "Saya mengundi calon beragama Islam yang bersifat amanah" mendapati 80.6% responden yang memilih sangat setuju dan 19.4% yang memilih setuju nilai min 3.81. Bagi item terakhir, iaitu "saya mengundi calon non-Muslim yang memperjuangkan hak rakyat seperti menjaga kebajikan" mendapat 38.9% responden yang memilih sangat setuju, 33.3% memilih setuju, 19.4% memilih tidak setuju dan 8.3% memilih sangat tidak setuju memperoleh nilai min 3.11.

Calon yang dipilih diberi amanah secara langsung untuk memberikan yang terbaik buat rakyat. Pemilihan calon berdasarkan kriteria-kriteria yang digariskan melalui panduan al-Quran dan al-Sunnah menjadi pedoman utama dalam menilai calon di dalam pilihan raya. Ironinya, ciri-ciri pemimpin menurut al-Quran dan al-Sunnah dapat disimpulkan bahawa seorang pemimpin mestilah terdiri daripada kalangan Muslim, hendaklah sentiasa berlaku adil dan amanah, telus, jujur dan bersikap lemah lembut serta menjadi pemudah cara dalam menyampaikan suara orang yang dipimpinnya (Siti Syahira Ramli et al., 2022).

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan belia Muslim berkaitan ciri-ciri pemimpin berdasarkan Islam adalah ditahap yang tinggi iaitu melebihi nilai min >3.83. Kesemua item soalan berkaitan dengan pengetahuan belia tentang ciri-ciri pemimpin menurut Islam seperti seorang pemimpin Islam hendaklah boleh menjaga agama dan menegakkan syariat Allah nilai min 3.92, seorang pemimpin Islam mestilah memiliki *al-Quwwah* yakni kekuatan dari semua sudut sama ada fizikal, spiritual dan mental nilai min 3.92 dan seorang pemimpin Islam mestilah amanah, adil dan tidak melakukan kezaliman atau diskriminasi kepada mereka yang di bawah pimpinannya nilai min 3.89 mendapat peratusan yang tinggi.

Seterusnya, berkaitan amalan politik belia Muslim dalam memilih calon pilihan raya adalah bergantung kepada kriteria-kriteria yang memenuhi aspirasi dan kehendak mereka terhadap pemimpin. Contohnya item saya mengundi calon beragama Islam yang mempunyai kriteria bertanggungjawab seperti adil, amanah dan berkhidmat untuk rakyat

nilai min 3.92, saya mengundi calon beragama Islam yang boleh menegakkan undang-undang Islam min 3.81 dan saya mengundi calon beragama Islam yang bersifat amanah nilai min 3.81 mendapat peratusan yg tinggi. Ini menyokong fakta bahawa belia Melayu mempunyai sensitiviti yang tinggi untuk memilih calon yang mempunyai persamaan latar belakang dengan mereka (Mohd Mahadee et al., 2019).

Walau bagaimanapun, bagi item-item yang melibatkan calon non-Muslim mendapat nilai min yang sederhana antara >2.86 seperti item saya mengundi calon non-Muslim yang boleh menunaikan janji, saya mengundi calon berdasarkan tawaran/manifesto kepada rakyat nilai min 3.00 dan saya mengundi calon non-Muslim yang boleh menjaga sentimen perkauman nilai min 3.03.

Dapatan kajian menunjukkan, belia Muslim mendahulukan calon pemimpin Islam dengan kriteria-kriteria yang digariskan Islam sebagai calon yang diutamakan untuk diundi. Belia Muslim tidak hanya mengundi berdasarkan agama calon, tetapi juga melihat kepada kriteria dan keperibadian calon pilihan raya. Di sisi Islam, keharusan pemilihan calon non-Muslim berdasarkan beberapa syarat dan etika pemilihan. Ia mestilah berdasarkan masalah umum dengan tidak mengganggu-gugat kestabilan sistem pemerintahan dan terjamin daripada sebarang ancaman yang boleh memberi mudarat kepada syariat dan umat Islam (Khairul Azhar Meerangani et al., 2021).

## KESIMPULAN

Pengetahuan yang tinggi dalam kalangan belia terhadap ciri-ciri pemimpin yang selayaknya dipilih tidak memadai sekiranya calon yang dipertandingkan tidak memenuhi aspirasi dan kehendak mereka. Ia perlu seiring di antara pengetahuan dan kehendak mereka. Pengetahuan yang mereka miliki menjadi timbang tara untuk menilai calon yang mereka inginkan seperti mereka calon non-Muslim berdasarkan syarat-syarat yang memenuhi kehendak mereka. Mereka juga akan memilih calon Muslim sekiranya calon terbabit mempunyai kriteria, personaliti dan kepimpinan yang meyakinkan. Mereka tidak menjadikan populariti parti sebagai rujukan utama untuk mengundi, bahkan lebih teliti dengan memandangkan calon sebagai punca keputusan yang dibuat dalam pilihan raya.

## RUJUKAN

### Buku

- al-Haithamiyy, Ahmad ibn Muhammad ibn Ali ibn Hajar. 1983. *Tuhfah al-Muhtaj fi Sharh al-Minhaj*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabiyy.
- al-Qardawiyy, Yusuf. 1992. *Ghayr al-Muslimin fi al-Mujtama' al-Islamiyy*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Ibn Kathir, Ismail ibn 'Umar Ibn Kathir. 1997. *Tafsir al-Quran al-Azim (Tafsir Ibn Kathir)*. Sami ibn Muhammad al-Salamah. Riyadh: Dar Thaibah.

### Jurnal

- Abdul Razaq Ahmad, Mohd Mahzan Awang, & Jamil Ahmad. 2018. *Aspirasi Kecenderungan Belia Terhadap Kepimpinan Politik Malaysia*. Malaysia Journal of Youth Study, 19-47.
- Ade Afriansyah. 2017. *Konsep Pemimpin Ideal Menurut Al-Ghazali*. Jurnal NALAR, 1(2): 82-94.
- Ali Salman, Mohammad Agus Yusoff, Mohd Azul Mohamad Salleh, & Mohd Yusof Hj Abdullah. 2018. *Penggunaan Media Sosial Untuk Sokongan Politik di Malaysia*. Journal of Nusantara Studies, 3(1): 51-63.
- Hairol Anuar Hj Mak Din, & Zakaria Stapa. 2012. *Pemilihan Kepimpinan Politik Melalui Pendekatan Nilai-Nilai Islami*. Jurnal Pengajian Islam, VI(December): 58-70.
- Junaidi Awang Besar. 2016. *Perkaitan Sumber Maklumat Dengan Sokongan Kepada Parti Politik*. Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space, 32(1): 23-49.

- Junaidi Awang Besar. 2019. *Perubahan Politik dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke 14, 2018 di Malaysia*. Malaysian Journal of Society and Space, 15(4): 220–232.
- Mohd. Hapiz Mahaiyadin, Roshaimizam Suhaimi, & Irwan Mohd Subri. 2011. *Isu Kepimpinan Orang Bukan Islam Dalam Kerajaan Menurut Perspektif Fiqh*. Esteem Academy Jurnal. Vol.7, No.2: 19–45.
- Norshamliza Chamhuri, Tuan Muhamad Shafir Che Wan Ngah, Mohd Akmal Fauzan Mohd Kamil, Nur Farah Syahiera Jaharudin, & Naszrul Nizam Muhamad Radhi. 2019. *Tahap Pengetahuan dan Impak Kegiatan Politik Kampus Kepada Kehidupan Mahasiswa Era Malaysia Baharu*. Jurnal Personalia Pelajar, 22(2): 129–136.
- Ramli Dollah, Nordin Sakke, Wan Shawaluddin Wan Hassan, Marja Azlima Omar, & Adi Jaafar. 2018. *Peranan Belia dan PRU-14 di Sabah: Kajian Kes di P.188 Silam*. Jurnal Kinabalu Edisi Khas, 319–349.

### **Seminar & Prosiding**

- Ahmad Tarmizi Talib, Sarjit S. Gill, & Mohd Rahimi Ramli. 2014. *Pengaruh Agama Terhadap Identiti Politik: Kajian Kes Belia di Malaysia*. Conference on Democracy and Election, Solution for Establishing Good Governance, Makassar: Indonesia. 1–12.
- Khairul Azhar Meerangani, Mohd Zahimie Mohd Dzahid, Muhammad Dzarif Ahmad Zahidi, Ahmad Nurilakmal Norbit, & Mohd Farhan Md Ariffin. 2021. *Penerimaan Masyarakat Muslim Terhadap Kepimpinan Non-Muslim Di Malaysia*. E-Proceedings of International Islamic Heritage Conference 2021 (IsHeC '21). <https://www.researchgate.net/publication/354861171>
- Nor Azlina Endut, Rohaini Amin, & Rosfazila Abd. Rahman. 2020. *Kematangan Politik dalam Kalangan Belia di Malaysia*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke-5- Dalam Talian, 5 (November), 798–805.
- Siti Syahira Ramli, Nor Adlin Anuar Suhaimi, & Siti Nora'Aeshah Zakaria. 2022. *Ciri-Ciri Pemimpin Menurut Perspektif Sunnah: Analisis Tema Dalam Hadis*. The 8th International Prophetic Conference (SWAN 2022), 191–199.

### **Tesis & Disertasi**

- Mohamed Noor Mohamed Amin. 2020. *Suruhanjaya Pilihanraya dalam Sistem Pilihan Raya Malaysia yang Lebih Adil, Bersih dan Sistematis: Strategi dan Penyelesaiannya*. Open University Malaysia.

### **Laman Sesawang**

- Hafiz Za'farani. Tegas Jaga Akidah Islam. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/06/588759/tegas-jaga-akidah-islam> (diakses pada 28 Februari 2023)
- Mohamad Hisyamuddin Ayub. Kekeliruan Memilih Membawa Kehancuran. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/230291/khas/rasuah-busters/kekeliruan-memilih-bawa-kehancuran> (diakses pada 20 Mac 2023)
- Nina Muslim. Pengundi Muda Masih 'Samar' Buat Pilihan, Tapi Berpotensi Jadi Penentu. Selangor Kini. <https://selangorkini.my/2022/10/pengundi-muda-masih-samar-buat-pilihan-tapi-berpotensi-jadi-penentu/> (diakses pada 14 Mei 2023)
- Raja Hisyam Raja Zaid. 41 peratus Golongan Belia Belum Bersedia Tentukan Parti Mana Untuk Diundi Pada PRU15 - Kaji Selidik. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/41-peratus-golongan-belia-belum-bersedia-tentukan-parti-mana-untuk-diundi-pada-pru15-kaji-selidik-363047> (diakses pada 14 Mac 2023)
- Suzalina Halid. PRU15: Pengundi Atas Pagar Didominasi Orang Muda Jadi Penentu Mandat. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/11/1026375/pru15-pengundi-atas-pagar-didominasi-orang-muda-jadi-penentu-mandat> (diakses pada 23 April 2023).

Zamri Hashim. Contohi Pemimpin Hebat Terdahulu. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/01/380783/contohi-pemimpin-hebat-terdahulu> (diakses pada 23 Februari 2023).

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*